



**MEDIA ONLINE /  
PORTAL BERITA/MEDIA BEBAS**

**24 OKTOBER 2017**

**Disediakan oleh : Unit Komunikasi Korporat**

## ISU : SKIM INSURANS PEKERJAAN

BIL.	TARIKH	AKHBAR & TAJUK BERITA	PIHAK TERLIBAT
1.	24 OKTOBER 2017 (SELASA)	<b>UTUSAN MALAYSIA</b> RUU insurans pekerjaan ditarik balik  <b>MALAYSIA GAZETTE</b> RUU Sistem Insurans Pekerjaan 2017 ditarik balik  <b>ASTRO AWANI</b> Kerajaan tarik semula RUU Sistem Insurans Pekerjaan  <b>MALAYSIA KINI</b> 'Sistem Insurans Pekerjaan tidak wajar ditarik balik'	<b>MENTERI KSM PE KPRU</b>

### AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

#### RUU insurans pekerjaan ditarik balik

KUALA LUMPUR 23 Okt. - Kementerian Sumber Manusia menarik balik Rang Undang-Undang (RUU) Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) 2017 yang telah dibentangkan untuk bacaan kali pertama pada Ogos lalu. Menterinya, Datuk Seri Richard Riot Jaem memberitahu, keputusan itu diambil bagi membolehkan RUU SIP yang baharu dibentangkan untuk bacaan kali pertama esok.

Beliau menjangkakan bacaan kali kedua akan berlangsung pada Rabu dan Khamis ini Richard Riot pada masa sama menegaskan kerajaan komited untuk melaksanakan SIP bermula Januari tahun depan. "Pelaksanaan SIP akan merangkumi semua majikan dan pekerja di sektor swasta merangkumi 430,000 majikan serta 6.6 juta pekerja," katanya dalam kenyataan yang diedarkan di Parlimen hari ini.

Pada 1 Ogos lalu, Richard Riot telah membentangkan RUU SIP yang memberi faedah kepada beberapa perkara termasuklah elaun mencari pekerjaan, elaun bekerja semula awal dan elaun pendapatan berkurangan. RUU itu antara lainnya menggariskan bayaran faedah kepada orang tanggungan, bayaran fi latihan apabila orang berinsurans mati, program penempatan pekerjaan semula dan kuasa menubuhkan pusat atau institut.

### AKHBAR : MALAYSIA GAZETTE

#### RUU Sistem Insurans Pekerjaan 2017 ditarik balik

KUALA LUMPUR – Kementerian Sumber dan Manusia menarik balik Rang Undang-undang Sistem Insurans Pekerjaan (RUU SIP) 2017 daripada dibentangkan dalam mesyuarat ketiga sidang Dewan Rakyat yang bermula hari ini. Menterinya, Datuk Seri Richard Riot berkata, tindakan itu bagi membolehkan RUU SIP 2017 yang baharu dibentangkan untuk bacaan pertama yang bakal dibentangkan dalam sidang Parlimen sesi ini.

"RUU baharu ini dijangka dibentangkan untuk bacaan kedua pada 25 atau 26 Oktober 2017. Kerajaan komited untuk melaksanakan Sistem Insurans Pekerjaan mulai Januari 2018," katanya pada sidang Parlimen, di sini, hari ini. Seramai 430,000 majikan dan 6.6 juta pekerja bakal terlibat dalam pelaksanaan Sistem Insurans Pekerjaan yang akan dilaksanakan awal tahun depan. Antara skop kehilangan pekerjaan termasuk pemberhentian kerja biasa, skim pemisahan sukarela, force

majuere, majikan yang melarikan diri, mufliis, penutupan perniagaan, penyusunan semula perniagaan, lebihan pekerja dan automasi.

Sistem insurans baharu ini menyediakan perkhidmatan bagi program penempatan semula pekerjaan dan lima jenis faedah berbentuk kewangan. Antaranya elaun mencari pekerjaan, elaun bekerja semula, elaun pendapatan berkurangan, elaun latihan dan fi latihan.

## **AKHBAR : ASTRO AWANI**

### **Kerajaan tarik semula RUU Sistem Insurans Pekerjaan**

**KUALA LUMPUR:** Kementerian Sumber Manusia hari ini menarik semula Rang Undang-Undang Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (RUU SIP 2017) yang telah dibentangkan untuk bacaan kali pertama pada 1 Ogos lalu. Perkara itu diumumkan Menteriinya, Datuk Seri Richard Riot Jaem dengan mengguna pakai Peraturan Mesyuarat 62.

Memetik kenyataan media yang dikeluarkan, Richard Riot berkata beliau akan membentangkan semula RUU SIP 2017 pada Selasa untuk bacaan pertama manakala bacaan kedua pada 25 atau 26 Oktober ini. "Kerajaan amat komited untuk melaksanakan SIP mulai Januari 2018. "Pelaksanaan SIP akan merangkumi semua majikan dan pekerja di sektor swasta iaitu seramai lebih kurang 430,000 majikan dan 6.6 juta pekerja," katanya.

Skop kehilangan pekerjaan termasuk pemberhentian kerja biasa, skim pemisahan sukarela, *force majeure*, majikan yang melarikan diri, mufliis, penutupan perniagaan, penyusunan semula perniagaan, lebihan pekerja, automasi dan seumpamanya. Dalam temubual bersama Astro AWANI sebelum ini, Richard Riot berkata RUU itu telah mendapat persetujuan hasil rundingan tiga pihak melibatkan Kerajaan, majikan dan pekerja.

Malah, ujar beliau pihaknya juga telah mengadakan lebih 20 sesi perbincangan melibatkan pihak berkepentingan bagi memastikan jumlah caruman yang bakal dilaksanakan memberi manfaat besar kepada pekerja. Katanya, dalam perbincangan itu majikan dan pekerja telah setuju bahawa jumlah caruman adalah 0.4 peratus iaitu 0.2 peratus caruman majikan manakala 0.2 peratus lagi melibatkan pekerja.

## **AKHBAR : MALAYSIA KINI**

### **'Sistem Insurans Pekerjaan tidak wajar ditarik balik'**

ULASAN - Dewan Rakyat yang mula bersidang hari ini menandakan mesyuarat terakhir Dewan Rakyat dalam konteks mesyuarat kali ketiga penggal kelima Parlimen ke-13. Pada hari ini, semasa persidangan Dewan Rakyat, Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Richard Riot anak Jaem mengemukakan usul untuk menarik balik Rang Undang-Undang Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (DR 27/2017), yang dibentang pada 1 Ogos lalu bagi bacaan pertama. Badan pemikir Kajian Politik untuk Perubahan (KPRU) berasa terkejut dan kesal terhadap langkah ini.

Kami menganggap bahawa Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) ini adalah untuk membantu para penganggur yang berdepan dengan pemberhentian kerja supaya terus berhidup dengan elaun mencari pekerjaan, pada masa yang sama membantu mereka pulang ke dunia pekerjaan. Oleh itu kami berasa ketiadaan bantuan pengangguran yang bermakna seperti SIP ini adalah suatu kekurangan bagi para penganggur yang ingin mencari pekerjaan dan berhidup seperti orang lain. Kami ingin bertanya sama ada SIP ini suatu gimik politik oleh kerajaan persekutuan menjelang PRU? Adakah kerajaan persekutuan terlalu bertunduk kepada majikan-majikan yang membantah SIP ini, walaupun kadar caruman telah direndahkan?

Dalam suasana ekonomi yang makin mencabar ini, kami bukan sahaja mendapat berita bahawa berlakunya pemberhentian kerja di sektor perbankan dan sektor minyak dan gas, malah juga terdapat penutupan tempat kerja dan penutupan syarikat pelbagai industri yang menyebabkan para pekerja berkenaan kehilangan kerja. Antara yang mengejutkan adalah 3,600 orang kakitangan MAS daripada jumlah kira-kira 6,000 pekerja MAS yang diberhentikan tanpa tindakan sewajarnya diambil oleh kerajaan persekutuan dan pihak berkaitan. Cadangan oleh kerajaan untuk melaksanakan SIP

telahpun diumumkan dalam ucapan Bajet 2015 oleh Menteri Kewangan merangkap Perdana Menteri, Datuk Seri Najib bin Razak pada 10 Oktober 2014, dan akhirnya Rang Undang-Undang bagi SIP dibentangkan pada sidang Dewan Rakyat bagi Julai 2017, dengan mewajibkan kedua-dua majikan dan pekerja masing-masing mencarum sebanyak 0.5 peratus daripada gaji bulanan pekerja berkenaan, dan mereka yang diberhentikan kerja (kecuali dipecat atas salah laku) atau terpaksa meletak jawatan atas faktor keselamatan diri akan dapat memperolehi elaun mencari pekerjaan selama 3 hingga 6 bulan (terpulang kepada tempoh pencaruman sebelum itu) dengan bilangan yang berkurangan daripada 80 peratus kepada 30 peratus daripada gaji bulanan sebelum pengangguran.

Selepas itu, Menteri Sumber Manusia mengumumkan pada 11 Oktober lalu bahawa Jemaah Menteri bersetuju agar suatu Rang Undang-Undang bagi SIP akan dibentangkan pada 24 Oktober dengan mengurangkan kadar caruman daripada 0.5 peratus kepada 0.2 peratus yang dikatakan "kadar caruman yang terendah di dunia". Berdasarkan anggaran kami, sekiranya suatu SIP dilaksanakan dengan kadar caruman hanya 0.2 peratus masing-masing daripada kedua-dua majikan dan pekerja (jumlah 0.4 peratus), maka berdasarkan purata gaji bulanan sebanyak RM2,463 pada tahun 2016 dengan tenaga kerja dalam sektor swasta seramai 6.8 juta orang, maka tabung SIP akan dapat mengutip kira-kira RM804 juta, sedangkan jika dengan kadar caruman 0.5 peratus (jumlah 1 peratus) sebelum itu tabung ini dapat mengutip hampir RM2 bilion. Berdasarkan bilangan penganggur dalam sektor swasta seramai 57,282 yang dikatakan oleh Menteri Sumber Manusia pada 11 Oktober 2017, maka jumlah elaun mencari pekerjaan yang boleh dibayar oleh SIP ialah kira-kira RM380 juta. Ini adalah kira-kira 47.4 peratus daripada jumlah kutipan berdasarkan kadar caruman 0.2 peratus sedangkan jika berdasarkan kadar caruman 0.5 peratus maka pembayaran elaun ini adalah kira-kira 19 peratus daripada jumlah kutipan.

Kami berpendapat bahawa langkah kerajaan untuk menarik balik Rang Undang-Undang SIP yang sedia ada, adalah suatu langkah ke belakang. Sesungguhnya peruntukan Rang Undang-Undang ini adalah tidak bersesuaian dengan nama skim ini sebagai suatu "insurans pekerjaan". Malah kami juga khuatir bahawa sekiranya kerajaan tidak membentangkan sebarang Rang Undang-Undang baru seperti yang dijanjikan, maka para penganggur akan terus terjerumus dalam masalah kewangan yang dialami mereka ini, terutamanya mereka yang kesukaran mencari pekerjaan baru atas faktor usia. Kami berpendapat bahawa sekiranya kerajaan bertegas dengan rancangan untuk mengurangkan kadar caruman ini dengan skop perlindungan yang terhad, maka adalah lebih wajar untuk skim ini dikenali sebagai suatu "tabung pemberhentian kerja". Kami menyeru Kementerian Sumber Manusia agar menimbang semula tindakan menarik balik Rang Undang-Undang ini.

*OOI HENG adalah Pengarah Eksekutif, Kajian Politik untuk Perubahan (KPRU).*

#### **ISU : BAYARAN FAEDAH PERKESO**

<b>BIL.</b>	<b>TARIKH</b>	<b>AKHBAR &amp; TAJUK BERITA</b>	<b>PIHAK TERLIBAT</b>
<b>1.</b>	<b>24 OKTOBER 2017 (SELASA)</b>	<b>SINAR HARIAN</b> PERKESO bayar faedah RM5.9 juta tahun lalu	<b>PERKESO</b>

#### **AKHBAR : SINAR HARIAN**

##### **PERKESO bayar faedah RM5.9 juta tahun lalu**

**BATU RAKIT** - Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) Negeri Terengganu telah membayar faedah keseluruhan sebanyak RM5.9 juta kepada pencarum atau waris yang layak sepanjang tahun lalu. Pengarahnya, Nora Yaacob berkata, bagi tempoh Januari sehingga Ogos tahun ini, Perkeso telah membayar faedah sebanyak RM4.4 juta. Menurutnya, bayaran itu merangkumi pelbagai faedah seperti pengurusan mayat, hilang upaya kekal, hilang upaya sementara, pencen penakat dan sebagainya. "Sehingga kini kita giat mengesan mana-mana pencarum yang berdepan dengan pelbagai musibah untuk dibantu "Penubuhan Skwad Prihatin Perkeso yang memainkan peranan dengan memberi maklumat kepada masyarakat tentang pentingnya pekerja dicarumkan juga sangat membantu. "Justeru, kita di pihak Perkeso sentiasa komited dalam membantu pekerja dan

melakukan lawatan ke syarikat-syarikat untuk memastikan majikan yang layak untuk membuat caruman kepada pekerja mereka," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika hadir menyampaikan faedah pengurusan mayat dan faedah pencen penakat kepada isteri arwah Mohamad Amin Ibrahim yang maut dihempap pokok dalam kejadian di Mengabang Lekar 7 Oktober lalu. Faedah itu diserahkan kepada waris iaitu isteri arwah, Razleen Awang, 34, dan dua cahaya mata lelaki. Menurut Nora lagi, tahap kesedaran masyarakat terhadap hak mereka sebagai pekerja juga telah menunjukkan peningkatan. "Secara dasarnya, mana-mana syarikat atau majikan yang mempunyai seorang pekerja juga telah layak untuk mencarum," katanya.